



27 Oktober 2025
27 October 2025
P.U. (A) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) (PINDAAN) 2025

PENANG PORT COMMISSION (PENANG PORT) (SCALE OF RATES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 1955

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
(PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32, 33, 34, 66 dan 67 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*], Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) (Pindaan) 2025**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 29 Oktober 2025.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) 2021 [*P.U. (A) 356/2021*], yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 2 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barangan berbahaya” ertinya barangan berbahaya sama ada dalam bentuk dibungkus, dikontenakan atau diangkut secara pukal, dan termasuklah barangan yang diklasifikasikan oleh Suruhanjaya mengikut kumpulan yang dinyatakan dalam Jadual C kepada Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1957 [*L.N. (N.S.) 93/1957*] dan mematuhi Kod BBMA dan penyiaran PMA lain yang berkaitan yang dipinda dari semasa ke semasa dan diguna pakai oleh Suruhanjaya;

“bungkusan” termasuklah apa-apa kotak, bakul, tong, bekas, peti, guni, beg, pembalut, sampul atau penutup atau benda lain yang di dalamnya apa-apa kargo ditempatkan bagi maksud untuk dibawa, dikonsain, diangkut, diimport atau dieksport;

“dermaga Suruhanjaya” ertinya sesuatu himpitan, dermaga, dok, tambangan atau tempat pendaratan yang dikendalikan atau dikawal oleh Suruhanjaya;

“hari” berhubung dengan sesuatu transaksi, ertinya tempoh selama dua puluh empat jam dari masa permulaan transaksi itu dengan Suruhanjaya;

“himpitan” ertinya sesuatu dok, tambangan, jeti, bagan, tempat pendaratan atau dermaga yang bersambung dengan pesisir bahagian pantai;

“kargo pindah kapal” ertinya kargo yang didaratkan dari suatu vesel dan ditempatkan dalam jagaan Suruhanjaya bagi maksud pengiriman di atas suatu vesel lain melalui bil muatan yang ditarikhkan di pelabuhan yang kargo itu dimuatkan dan yang menunjukkan bahawa destinasi adalah melalui Pelabuhan Pulau Pinang, dan destinasi pelabuhan terakhir yang hendaklah suatu pelabuhan selain Pelabuhan Pulau Pinang ditandakan pada setiap bungkusan atau unit yang mengandungi kargo itu dan diisytiharkan kepada Suruhanjaya sebelum atau pada masa kargo itu diletakkan dalam jagaan Suruhanjaya;

“kargo yang dipaletkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama dan ditempatkan di atas suatu palet;

“kargo yang diunitkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama sebagai suatu unit tunggal;

“KMK” ertinya Kontena Muatan Kurang yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport, yang dikemukakan kepada Suruhanjaya sebelum pemunggahan atau pemuatan sesuatu kargo ke atas sesuatu vesel;

“KMP” ertinya Kontena Muatan Penuh yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport, yang dikemukakan kepada Suruhanjaya sebelum pemunggahan atau pemuatan sesuatu kargo ke atas sesuatu vesel;

“Kod BBMA” ertinya Kod Barangan Berbahaya Maritim Antarabangsa yang disiarkan oleh PMA;

“KPK” ertinya Kawasan Pemeriksaan Kastam di dalam premis Suruhanjaya;

“kraf marin” termasuklah bot tunda, bot malim atau mana-mana kraf marin lain, yang digunakan atau diniatkan untuk digunakan di dalam dan di luar pelabuhan bagi operasi marin, perkhidmatan marin atau aktiviti marin;

“Pengurus” ertinya mana-mana pegawai yang menjaga operasi pelabuhan masing-masing atau mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasa pegawai yang menjaga;

“PK” ertinya panjang keseluruhan sesuatu vesel yang diukur dari titik paling hadapan vesel itu ke titik paling belakang vesel itu;

“PMA” ertinya Pertubuhan Maritim Antarabangsa;

“premis Suruhanjaya” termasuklah mana-mana tempat yang dimiliki atau diduduki oleh Suruhanjaya dan diuntukkan oleh Suruhanjaya

bagi pendaratan dan pengapalan apa-apa kargo, termasuk mana-mana bahagian tebing sungai yang dimiliki atau diduduki sedemikian yang telah diperbaiki untuk memudahkan pendaratan dan pengapalan itu dan mana-mana pesisir depan yang dimiliki atau diduduki sedemikian dan digunakan bagi maksud sedemikian;

“SBK” ertinya Stesen Barangan Kontena di dalam premis Suruhanjaya;

“simpanan percuma” ertinya tempoh yang dinyatakan yang sesuatu kargo atau kontena memenuhi ruang yang diberikan kepadanya di dalam premis Suruhanjaya tanpa caj penyimpanan;

“syif” ertinya tiga waktu bekerja yang berulang-ulang dalam satu hari seperti yang berikut:

- (a) syif pertama: dari pukul 0730 sehingga pukul 1530 pada hari yang sama;
- (b) syif kedua: dari pukul 1530 sehingga pukul 2330 pada hari yang sama; dan
- (c) syif ketiga: dari pukul 2330 sehingga pukul 0730 pada hari berikutnya;

“tan” ertinya satu tan metrik yang bersamaan dengan satu ribu kilogram atau satu meter padu;

“terminal vesel persiaran” ertinya *Swettenham Pier Cruise Terminal*, termasuk himpitan dalam, himpitan luar dan himpitan terapung;

“TK” ertinya tanan kasar yang didaftarkan bagi sesuatu vesel yang diukur mengikut Konvensyen Antarabangsa Pengiraan Tanan Kapal 1969;

“vesel persiaran” ertinya mana-mana vesel yang digunakan bagi pengangkutan penumpang bagi maksud pelancongan, percutian atau rekreasi, yang mungkin melibatkan pemberhentian di beberapa destinasi atau pelabuhan persinggahan dan biasanya menyediakan kemudahan dan perkhidmatan di atas kapal.”.

Pindaan undang-undang kecil 3

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 3—

- (a) dalam subperenggan (i), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
- (b) dalam subperenggan (j), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (j) subperenggan yang berikut:
 - “(k) caj penyewaan kraf marin;
 - (l) caj simpan tunggu;
 - (m) caj berlabuh sementara;
 - (n) caj bekalan elektrik;
 - (o) caj konservasi;
 - (p) caj dokej;
 - (q) caj kawasan pendaratan *tender*;
 - (r) caj titi sambung;
 - (s) caj bekalan air;
 - (t) caj pembersihan dermaga; dan
 - (u) caj kelengkapan terminal.”.

Pindaan undang-undang kecil 4

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 4 dengan menggantikan perkataan “Pelabuhan Pulau Pinang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pelabuhan”.

Pindaan undang-undang kecil 5

5. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan 5(1) dengan menggantikan perkataan “Pelabuhan Pulau Pinang” dengan perkataan “pelabuhan”.

Pindaan undang-undang kecil 6

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dalam undang-undang kecil 6—

(a) dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan “GRT” dengan perkataan “GT”; dan

(b) dalam perenggan (4), dengan menggantikan perkataan “GRT” dengan perkataan “GT”.

Undang-undang kecil baharu 13A, 13B, 13C, 13D, 13E, 13F, 13G, 13H, 13I, 13J dan 13K

7. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 13 undang-undang kecil yang berikut:

“Caj penyewaan kraf marin

13A. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyewaan kraf marin kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Pertama jika mana-mana kraf marin diaturkan oleh pelabuhan, di dalam dan di luar pelabuhan, bagi maksud—

(a) operasi penyelamat;

(b) bertindak balas terhadap insiden kecemasan;

- (c) melaksanakan operasi melawan kebakaran;
- (d) menjalankan langkah pencegahan pencemaran atau pengawalan tumpahan; atau
- (e) menjalankan latihan atau latihan simulasi yang berhubungan dengan mana-mana maksud yang dinyatakan dalam subperenggan (a) hingga (d).

Caj simpan tunggu

13B. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj simpan tunggu kepada Suruhanjaya jika sesuatu vesel berlabuh di dalam pelabuhan atas permintaan ejen vessel itu pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Pertama.

Caj berlabuh sementara

13C. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj berlabuh sementara kepada Suruhanjaya jika sesuatu vesel berniat untuk menghimpit atau berlepas dari dermaga Suruhanjaya tetapi sebaliknya berlabuh di dalam pelabuhan selepas empat puluh lapan jam berlabuh, apabila tiba di atau berlepas dari dermaga Suruhanjaya itu.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj berlabuh sementara kepada Suruhanjaya sebaik sahaja tiba atau berlepas, jika sesuatu vesel—

- (a) berniat untuk berhimpit di sesuatu dermaga selain dermaga Suruhanjaya;
- (b) tidak berniat untuk berhimpit; atau
- (c) tidak memohon untuk perkhidmatan simpan tunggu.

(3) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj berlabuh sementara di bawah perenggan (1) dan (2) pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Pertama.

Caj bekalan elektrik

13D. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bekalan elektrik kepada Suruhanjaya bagi penyediaan kuasa elektrik kepada mana-mana vesel yang menghimpit di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Pertama.

(2) Caj bekalan elektrik di bawah perenggan (1) hendaklah termasuk penggunaan elektrik yang dikira berdasarkan tarif dan caj yang ditentukan oleh Suruhanjaya Tenaga mengikut subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*].

Caj konservasi

13E. Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan suatu vesel persiaran antarabangsa yang tiba di dan berlepas dari terminal vesel persiaran, hendaklah membayar caj konservasi kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Pertama.

Caj dokej

13F. Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan mana-mana vesel persiaran yang tiba di dan berlepas dari terminal vesel persiaran, hendaklah membayar caj dokej kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 16 Jadual Pertama.

Caj kawasan pendaratan *tender*

13G. Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan mana-mana vesel persiaran, yang memohon penggunaan kawasan yang ditentukan yang diperuntukkan oleh Suruhanjaya bagi pendaratan *tender* di terminal vesel persiaran hendaklah membayar caj kawasan pendaratan *tender* kepada

Suruhanjaya bagi penggunaan kawasan yang ditentukan itu pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Pertama.

Caj titi sambung

13H. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj titi sambung kepada Suruhanjaya untuk penggunaan titi sambung yang disediakan oleh Suruhanjaya untuk mengambil atau menurunkan penumpang atau anak kapal pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 18 Jadual Pertama.

Caj bekalan air

13I. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bekalan air kepada Suruhanjaya bagi bekalan air kepada vesel milik pengguna pelabuhan semasa berhimpit di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 19 Jadual Pertama.

Caj pembersihan dermaga

13J. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pembersihan dermaga kepada Suruhanjaya untuk perkhidmatan pembersihan yang disediakan oleh Suruhanjaya di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 20 Jadual Pertama.

Caj kelengkapan terminal

13K. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj kelengkapan terminal kepada Suruhanjaya bagi penggunaan forklift atau kren yang disediakan oleh Suruhanjaya untuk mengendalikan barang, bekalan, kelengkapan, bagasi atau barang lain yang serupa pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 21 Jadual Pertama.”.

Pindaan undang-undang kecil 14

8. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 14—

(a) dalam subperenggan (i), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

- (b) dalam subperenggan (j), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (j) subperenggan yang berikut:

- “(k) caj pengendalian kontena lebih tinggi dan kontena melebihi ketinggian;
- (l) caj penyewaan kren;
- (m) caj pemunggahan atau pemuatan kontena;
- (n) caj penahanan kontena;
- (o) caj pemeriksaan kargo kontena;
- (p) caj penimbangan;
- (q) caj penimbangan semula kontena;
- (r) caj sewa stor bagi kargo pindah kapal;
- (s) caj sewa stor bagi kargo yang ditinggalkan;
- (t) caj penggunaan kelengkapan tambahan;
- (u) caj penggunaan kren; dan
- (v) caj sistem tempahan kenderaan.”

Pindaan undang-undang kecil 15

- 9. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan 15(1) dengan menggantikan perkataan “Pelabuhan Pulau Pinang” dengan perkataan “pelabuhan”.

Pindaan undang-undang kecil 16

- 10. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan 16(1) dengan menggantikan perkataan “had pelabuhan Pelabuhan Pulau Pinang” dengan perkataan “pelabuhan”.

Pindaan undang-undang kecil 18

- 11. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 18 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Caj penyimpanan

18. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Suruhanjaya bagi penyimpanan—

- (a) kargo import di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Kedua;
- (b) kargo eksport di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Kedua;
- (c) kargo di dalam gudang terikat pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Kedua dan kargo itu tidak boleh diberikan apa-apa tempoh penyimpanan percuma; dan
- (d) kenderaan motor pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 dan Bahagian 7 Jadual Kedua.”.

Pindaan undang-undang kecil 19

12. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 19—

- (a) dalam perenggan (1)—
 - (i) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Bahagian 10” dengan perkataan “Bahagian 9”; dan
 - (ii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Bahagian 11” dengan perkataan “Bahagian 10”; dan
- (b) dalam perenggan (2)—
 - (i) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “Bahagian 12” dengan perkataan “Bahagian 11”; dan

- (ii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Bahagian 13” dengan perkataan “Bahagian 12”.

Pindaan undang-undang kecil 20

13. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 20 dengan menggantikan perkataan “Bahagian 14” dengan perkataan “Bahagian 13”.

Pindaan undang-undang kecil 21

14. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 21 dengan menggantikan perkataan “Bahagian 15” dengan perkataan “Bahagian 14”.

Pindaan undang-undang kecil 22

15. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 22—
- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “Bahagian 16” dengan perkataan “Bahagian 15”; dan
 - (b) dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan “Bahagian 17” dengan perkataan “Bahagian 16”.

Pindaan undang-undang kecil 23

16. Perenggan 23(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Bahagian 18” dengan perkataan “Bahagian 17”.

Pindaan undang-undang kecil 24

17. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 24—
- (a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil sedia ada sebagai perenggan (1);
 - (b) dalam perenggan (1) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “Bahagian 19” dengan perkataan “Bahagian 18”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula perenggan yang berikut:

“(2) Caj perkhidmatan kontena sejuk itu hendaklah termasuk penggunaan elektrik yang dikira berdasarkan tarif dan caj yang ditentukan oleh Suruhanjaya Tenaga mengikut subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].”.

Undang-undang kecil baharu 24A, 24B, 24C, 24D, 24E, 24F, 24G, 24H, 24I, 24J, 24K dan 24L

18. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 24 undang-undang kecil yang berikut:

“Caj pengendalian kontena lebih tinggi dan kontena melebihi ketinggian

24A. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kontena lebih tinggi dan kontena melebihi ketinggian kepada Suruhanjaya bagi kontena yang melebihi ketinggian pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 19 Jadual Kedua.

Caj penyewaan kren

24B. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyewaan kren kepada Suruhanjaya jika mana-mana kren disewa bagi maksud operasi pengendalian kontena di dalam premis Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 20 Jadual Kedua.

Caj pemunggahan atau pemuatan kontena

24C. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemunggahan atau pemuatan kontena kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 21 Jadual Kedua jika permohonan pelepasan dibuat—

(a) di luar waktu operasi biasa pelabuhan; atau

(b) tidak mengikut jadual SBK.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan itu hendaklah menyerahkan kontena yang diniatkan untuk dimuatkan kepada Suruhanjaya, bersama semua dokumen berkaitan, sekurang-kurangnya tiga puluh enam jam sebelum masa vesel yang akan memuatkan kontena dijadualkan menghimpit.

(3) Kegagalan pengguna pelabuhan itu untuk mematuhi kehendak di bawah perenggan (1), pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj tambahan pengemukaan lewat kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 21 Jadual Kedua.

Caj penahanan kontena

24D. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan kontena kepada Suruhanjaya jika sesuatu kontena diarahkan untuk ditahan, dibuka atau diperiksa di KPK oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 22 Jadual Kedua.

Caj pemeriksaan kargo kontena

24E. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemeriksaan kargo kepada Suruhanjaya jika pemunggahan atau pemuatan kargo dari kontena bagi maksud pemeriksaan dijalankan di KPK menurut arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 23 Jadual Kedua.

Caj penimbangan

24F. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penimbangan kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 24 Jadual Kedua jika kemudahan penimbangan yang disediakan di premis

Suruhanjaya digunakan untuk mengukur berat mana-mana kenderaan, kontena atau kargo bagi mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pengesahan keselamatan;
- (b) pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan pengangkutan jalan;
- (c) pengisytiharan kastam; atau
- (d) kehendak operasi pelabuhan.

Caj penimbangan semula kontena

24G. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penimbangan semula kontena kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 25 Jadual Kedua bagi setiap permintaan untuk penimbangan semula kontena untuk menentukan berat sebenar kontena itu, termasuk berat bersih kargo dan berat kasar keseluruhan, jika aktiviti itu dilaksanakan menurut—

- (a) permintaan oleh pengguna pelabuhan;
- (b) arahan mana-mana pihak berkuasa berkaitan;
- (c) arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya bagi maksud pengesahan keselamatan, pematuhan peraturan atau operasi pelabuhan; atau
- (d) kehendak di bawah Konvensyen Antarabangsa Bagi Keselamatan Nyawa Di Laut (SOLAS) bagi pengesahan berat kasar.

Caj sewa stor bagi kargo pindah kapal

24H. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj sewa stor bagi kargo pindah kapal kepada Suruhanjaya bagi kargo yang disimpan

di dalam premis atau gudang Suruhanjaya dan kemudiannya dipindahkan ke vesel lain pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 26 Jadual Kedua.

Caj sewa stor bagi kargo yang ditinggalkan

24I. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj sewa stor bagi kargo yang ditinggalkan kepada Suruhanjaya dari tarikh kargo ditinggalkan, berkaitan dengan mana-mana kargo eksport atau pindah kapal yang telah ditempatkan di dalam premis atau gudang Suruhanjaya tetapi sama ada ditolak untuk dimuat atau gagal untuk dimuatkan ke atas vesel yang dijadualkan untuk penghantaran pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 27 Jadual Kedua.

Caj penggunaan kelengkapan tambahan

24J. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penggunaan kelengkapan tambahan kepada Suruhanjaya bagi penggunaan mana-mana kelengkapan tambahan yang disediakan oleh Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 28 Jadual Kedua.

Caj penggunaan kren

24K. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penggunaan kren kepada Suruhanjaya bagi penggunaan mana-mana kren pelabuhan, kren kapal atau kelengkapan khas pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 29 Jadual Kedua.

Caj sistem tempahan kenderaan

24L. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj sistem tempahan kenderaan kepada Suruhanjaya bagi penggunaan sistem tempahan kenderaan bagi maksud penghantaran dan pengambilan kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 30 Jadual Kedua.

(2) Apa-apa pembatalan tempahan dalam sistem tempahan kenderaan itu hendaklah dibuat sekurang-kurangnya tiga puluh minit sebelum waktu mula yang dijadualkan bagi slot yang ditempah itu.

(3) Jika tempahan telah dibuat melalui sistem tempahan kenderaan dan kenderaan itu gagal untuk tiba di akhir slot tempahan, pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj bagi kegagalan untuk mematuhi tempahan itu kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 30 Jadual Kedua.

(4) Caj yang dinyatakan dalam Bahagian 30 Jadual Kedua hendaklah diketepikan dalam hal keadaan masa pusing balik tidak dipatuhi.

(5) Bagi maksud perenggan (4), masa pusing balik berkenaan dengan pergerakan tunggal tidak melebihi empat puluh lima minit, dan bagi pergerakan berganda, tidak melebihi sembilan puluh minit.”

Pindaan undang-undang kecil 31

19. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam subperenggan 31(1)(a) dengan menggantikan perkataan “Pelabuhan Pulau Pinang” dengan perkataan “pelabuhan”.

Undang-undang kecil baharu 34, 35, 36, 37, 38, 39 dan 40

20. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 33 undang-undang kecil yang berikut:

“Caj pentadbiran bagi operasi kontena

34. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pentadbiran bagi operasi kontena kepada Suruhanjaya bagi kos pentadbiran, penggunaan kelengkapan tambahan dan perkhidmatan sampingan yang berhubungan dengan operasi kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Ketiga.

Caj pentadbiran bagi operasi kargo konvensional

35. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pentadbiran bagi operasi kargo konvensional kepada Suruhanjaya bagi perkhidmatan dan kemudahan yang digunakan semasa pengendalian kargo konvensional di pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Ketiga.

Caj perkhidmatan kecemasan dan melawan kebakaran

36. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kecemasan dan melawan kebakaran kepada Suruhanjaya bagi kesediaan dan pengaturan kelengkapan dan jentera bagi operasi kecemasan dan melawan kebakaran di dalam pelabuhan dan premis Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Ketiga.

Caj perkhidmatan pegawai bomba

37. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan pegawai bomba kepada Suruhanjaya bagi respons kebakaran dan kecemasan di dalam pelabuhan dan premis Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Ketiga.

Caj perkhidmatan anggota keselamatan

38. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan anggota keselamatan kepada Suruhanjaya untuk memastikan pematuhan peraturan dan kawalan keselamatan di premis Suruhanjaya, termasuk pemantauan pematuhan terhadap Kod Keselamatan Kapal dan Kemudahan Pelabuhan Antarabangsa dan bertindak balas terhadap aktiviti yang tidak rutin, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Ketiga.

Caj pas pelabuhan

39. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pas pelabuhan kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan akses untuk berada di premis Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Ketiga.

Caj respons kecemasan tumpahan minyak

40. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj respons kecemasan tumpahan minyak kepada Suruhanjaya bagi apa-apa perkhidmatan kawalan tumpahan minyak yang dijalankan di dalam pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Ketiga.”.

Pindaan Jadual Pertama

21. Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA
CAJ AKAUN VESEL
BAHAGIAN 1
DIUS PELABUHAN
[perenggan 4(1)]

(1) Butiran	(2) PK vesel	(3) Bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya (RM)	
Semua vesel kecuali vesel penumpang:		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Vesel sehingga 30 meter	2.40	2.60
2.	Vesel antara 31 meter dan 60 meter	2.88	3.10
3.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	5.76	6.20
4.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	13.00	14.00
5.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	27.43	29.50
6.	Vesel antara 151 meter dan 200 meter	31.72	34.20
7.	Vesel antara 201 meter dan 250 meter	32.50	35.00
8.	Vesel antara 251 meter dan 300 meter	33.41	36.00

(1) Butiran	(2) PK vesel	(3) Bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya (RM)	
9.	Vesel melebihi 300 meter	34.32	37.00
	Vesel penumpang:	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Vesel sehingga 60 meter	2.40	2.60
2.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	2.88	3.10
3.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	7.15	7.70
4.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	14.69	15.80
5.	Vesel antara 151 meter dan 200 meter	17.29	18.60
6.	Vesel antara 201 meter dan 250 meter	18.20	19.60
7.	Vesel antara 251 meter dan 300 meter	18.98	20.40
8.	Vesel melebihi 300 meter	19.89	21.40

BAHAGIAN 2
CAJ MARIN DISATUKAN
[perenggan 5(2)]

(1) Butiran	(2) PK Vesel	(3) Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	(4) Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Vesel sehingga 30 meter	1,040.00	1,100.00
2.	Vesel antara 31 meter dan 60 meter	2,080.00	2,100.00
3.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	3,640.00	3,700.00

(1) Butiran	(2) PK Vesel	(3) Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	(4) Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
4.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	4,680.00	5,100.00
5.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	5,850.00	5,900.00
6.	Vesel antara 151 meter dan 200 meter	10,680.00	11,600.00
7.	Vesel antara 201 meter dan 250 meter	15,360.00	16,700.00
8.	Vesel antara 251 meter dan 300 meter	17,760.00	19,300.00
9.	Vesel melebihi 300 meter	21,360.00	23,200.00

BAHAGIAN 3

CAJ PERKHIDMATAN PEMALIMAN

[perenggan 6(1)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap meter PK bagi setiap jam bagi setiap pergerakan atau sebahagian daripadanya (RM)	
	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
Memalimkan vesel bagi pergerakan di dalam daerah pemaliman	4.32	4.70

BAHAGIAN 4
CAJ PENAHANAN MALIM
[perenggan 7(2)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
Penahanan malim	288.00	312.00

BAHAGIAN 5
CAJ BAGI PERMINTAAN LEWAT, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN PERKHIDMATAN PEMALIMAN
[perenggan 8(2)]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap pergerakan (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Notis diberikan kurang dari satu setengah jam sebelum ketibaan vesel	720.00	780.00
2.	Notis diberikan kurang dari setengah jam sebelum perlepasan atau penganjakan vesel dalam daerah pemaliman	720.00	780.00

BAHAGIAN 6
CAJ PERKHIDMATAN PENUNDAAN
[perenggan 9(1)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap meter PK bagi setiap bot tunda bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
Setiap vesel di dalam daerah pemaliman	8.64	9.40

BAHAGIAN 7
CAJ PENAHANAN BOT TUNDA
[perenggan 10(2)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap bot tunda bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
Penahanan bot tunda	288.00	312.00

BAHAGIAN 8

CAJ BAGI PERMINTAAN LEWAT, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN PERKHIDMATAN

PENUNDAAN

[perenggan 11(2)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap bot tunda bagi setiap pergerakan (RM)	
	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
Notis diberikan kurang dari setengah jam sebelum masa perkhidmatan penundaan itu diminta, diubah atau dibatalkan	720.00	780.00

BAHAGIAN 9

CAJ PENGGUNAAN HIMPITAN

[perenggan 12(3)]

(1) Butiran	(2) Vesel	(3) Bagi setiap meter bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Vesel kargo am	1.56	1.68
2.	Vesel tangki untuk minyak sayuran	5.33	5.74
3.	Vesel tangki untuk produk cecair:		
	(a) barangan berbahaya	6.63	7.00
	(b) barangan tidak berbahaya	5.52	6.00

(1) Butiran	(2) Vesel	(3) Bagi setiap meter bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
4.	Vesel pukal kering	2.20	2.20
5.	Vesel kontena	2.21	2.38
6.	Baj yang membawa—		
	(a) kargo am	1.56	1.68
	(b) minyak sayuran	5.33	5.74
	(c) produk cecair – barangan berbahaya	6.12	7.00
	(d) produk cecair – barangan bukan berbahaya	5.52	6.00
	(e) pukal kering	1.95	2.20
	(f) kontena	2.21	2.38
7.	Vesel penumpang	1.10	
8.	Lain-lain vesel	1.20	

BAHAGIAN 10

CAJ PENUMPANG

[undang-undang kecil 13]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap orang (RM)
1.	Mengambil	26.00
2.	Menurunkan	26.00

BAHAGIAN 11
CAJ PENYEWAAN KRAF MARIN
[undang-undang kecil 13A]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap jam bagi setiap pergerakan atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Sewa bot tunda	PK<100m: RM436.80 bagi setiap jam di dalam pelabuhan PK<100m: RM873.60 bagi setiap jam di luar pelabuhan PK>100m: RM717.60 bagi setiap jam di dalam pelabuhan PK>100m: RM1,435.20 bagi setiap jam di luar pelabuhan	PK<100m: RM473.20 bagi setiap jam di dalam pelabuhan PK<100m: RM946.40 bagi setiap jam di luar pelabuhan PK>100m: RM777.40 bagi setiap jam di dalam pelabuhan PK>100m: RM1,554.80 bagi setiap jam di luar pelabuhan
2.	Sewa bot malim	420.00	455.00

BAHAGIAN 12
CAJ SIMPAN TUNGGU
[undang-undang kecil 13B]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap TK bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Di bawah 10,000 TK	300.00	325.00
2.	10,001 TK hingga 50,000 TK	600.00	650.00
3.	Melebihi 50,000 TK	1,200.00	1,300.00

BAHAGIAN 13
CAJ BERLABUH SEMENTARA
[perenggan 13C(3)]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap TK bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Di bawah 10,000 TK	300.00	325.00
2.	10,001 TK hingga 50,000 TK	600.00	650.00
3.	Melebihi 50,000 TK	1,200.00	1,300.00

BAHAGIAN 14
CAJ BEKALAN ELEKTRIK
[perenggan 13D(1)]

(1) Butiran	(2) Perihalhan	(3) Caj (RM)
1.	Kapasiti rendah (0-2,000 kW)	3,400
2.	Kapasiti sederhana (2,001-5,000 kW)	8,500
3.	Kapasiti tinggi (5,001 – 10,000 kW)	17,000

BAHAGIAN 15
CAJ KONSERVASI
[undang-undang kecil 13E]

(1) Perihalhan	(2) Bagi setiap TK (RM)
Vesel persiaran antarabangsa	0.40

BAHAGIAN 16
CAJ DOKEJ
[undang-undang kecil 13F]

(1) Perihalhan	(2) Bagi setiap TK (RM)
Vesel persiaran	0.10

BAHAGIAN 17
CAJ KAWASAN PENDARATAN *TENDER*
[perenggan 13G(1)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap doking (RM)
Bagi setiap pendaratan	50.00

BAHAGIAN 18
CAJ TITI SAMBUNG
[undang-undang kecil 13H]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap unit bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya (RM)
Titi sambung	1,500.00

BAHAGIAN 19
CAJ BEKALAN AIR
[undang-undang kecil 13I]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
Bekalan air—	
(a) 10 tan pertama atau sebahagian daripadanya	130.00
(b) setiap tan seterusnya	13.00

BAHAGIAN 20
CAJ PEMBERSIHAN DERMAGA
[undang-undang kecil 13j]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap hari (RM)
Bagi setiap vesel	200.00

BAHAGIAN 21
CAJ KELENGKAPAN TERMINAL
[undang-undang kecil 13k]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM) (minimum 2 jam)	(4) Setiap penggunaan atau sebahagian daripadanya (RM) (8.15am-5.15pm)	(5) Bagi setiap jam kerja lebih masa (RM) (5.16pm seterusnya)
1.	Forklift 5 tan	150.00	-	-
2.	Kren 7 tan			
	(a) Isnin hingga Sabtu	-	988.00	143.00
	(b) Ahad dan cuti umum	-	1,248.00	182.00

Pindaan Jadual Kedua

22. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA
CAJ AKAUN PENERIMA KONSAIN ATAU PEMBERI KONSAIN
BAHAGIAN 1
CAJ AM
[undang-undang kecil 15]

(1) Butiran	(2) Perihal kargo	(3) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)		(4) Bagi setiap unit (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Kargo pukal: (a) bijih mineral (b) kargo lain	1.00 1.44	1.00 1.56	- -	- -
2.	Kargo pecah pukal/kargo yang dikontenakan	1.68	1.82	-	-
3.	Kargo pecah pukal/kargo yang dikontenakan yang layak untuk kadar pindah kapal dan pindah kapal terus dari vesel ke vesel bagi setiap operasi	0.84	0.91	-	-
4.	Motokar, gerabak kereta api dan treler	-	-	7.20	7.80
5.	Lori, bas, trak, van atau kendaraan lain	-	-	14.40	15.60

(1) Butiran	(2) Perihal kargo	(3) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)		(4) Bagi setiap unit (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
6.	Mel atau bungkusan mel	-	-	0.84	0.91
7.	Ternakan				
	(a) kambing	-	-	2.00	
	(b) lembu	-	-	5.00	
	(c) lain-lain ternakan (tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya)	-	-	6.00	
8.	Lain-lain haiwan (tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya)	-	-	6.00	

BAHAGIAN 2

CAJ PESISIR DEPAN JETI PERSENDIRIAN, PEPASANGAN DAN TERMINAL

[perenggan 16(1)]

(1) Perihal	(2) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
Setiap kargo yang melintasi pesisir depan	2.40	2.60

BAHAGIAN 3
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KARGO DI DERMAGA
SURUHANJAYA
[perenggan 17(1)]

(1) Butiran	(2) Kargo	(3) Perihaln	(4) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
			Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Pecah pukal	(a) Ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	5.00	5.00
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	9.84	10.66
2.	Kayu balak	(a) Ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	9.12	9.88
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	12.84	14.00
3.	Pukal kering	(a) Ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	3.00	3.00
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	6.00	6.00
4.	Pukal cecair	Saluran paip persendirian:		
		(a) barangan berbahaya	2.28	2.47
		(b) barangan tidak berbahaya	2.16	2.34

(1) Butiran	(2) Kargo	(3) Perihal	(4) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
			Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
5.	Kargo muatan berat melebihi 5 tan hingga 15 tan	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	18.00	18.00
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	26.40	28.60
6.	Kargo muatan berat melebihi 15 tan	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	25.00	25.00
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	42.00	42.00
7.	Kargo melebihi 20 tan	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	33.00	33.00
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	55.00	55.00
8.	Ternakan		Setiap (RM)	
		(a) kambing	2.00	2.00
		(b) lembu	5.00	5.00
		(c) lain-lain ternakan (tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya)	6.00	6.00

(1) Butiran	(2) Kargo	(3) Perihalannya	(4) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
			Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
9.	Lain-lain haiwan (tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya)		6.00	6.00
10.	Ikan	Tuna atau lain-lain ikan	Bagi setiap kg atau sebahagian daripadanya (RM)	
			0.15	0.15

BAHAGIAN 4

CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KENDERAAN MOTOR

DI DERMAGA SURUHANJAYA

[perenggan 17(2)]

(1) Butiran	(2) Perihalannya	(3) Bagi setiap unit (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Motokar atau treler	49.20	53.30
2.	Lori, bas, trak, van atau kenderaan lain	98.40	106.60

BAHAGIAN 5
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KARGO PINDAH KAPAL
DI DERMAGA SURUHANJAYA
[perenggan 17(3)]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Bungkusan sehingga 5 tan	13.80	14.95
2.	Bungkusan melebihi 5 tan hingga 15 tan	36.48	39.52

BAHAGIAN 6

CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO IMPORT DI DALAM GUDANG ATAU TEMPAT

SIMPANAN TERBUKA

[subperenggan 18(1)(a)]

(1) Perihal	(2) Tempoh penyimpanan	(3) Bagi setiap tan bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang dikira dari hari pertama penyimpanan sehingga hari terakhir penyimpanan (RM)			
		Gudang		Tempat simpanan terbuka	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	
Kargo import/kenderaan motor	4 hari atau kurang	Percuma			
	Lebih dari 4 hari dan hingga 7 hari	0.88	0.91	0.48	0.52
	Lebih dari 7 hari dan hingga 14 hari	2.00	2.00	1.00	1.00
	Lebih dari 2 minggu—				
	(a) bagi 2 minggu pertama	28.56	30.94	15.12	16.50
	(b) bagi setiap minggu berikutnya atau sebahagian daripadanya	28.80	31.20	14.52	15.80

BAHAGIAN 7

CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO EKSPORT DI DALAM GUDANG ATAU TEMPAT

SIMPANAN TERBUKA

[subperenggan 18(1)(b)]

(1) Perihal	(2) Tempoh penyimpanan	(3) Bagi setiap tan setiap hari atau sebahagian daripadanya yang dikira dari hari pertama penyimpanan sehingga hari terakhir penyimpanan (RM)			
		Gudang		Tempat simpanan terbuka	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	
Kargo eksport/ kendaraan motor	7 hari atau kurang	Percuma			
	Lebih dari 7 hari dan sehingga 14 hari	1.20	1.30	0.60	0.65
	Lebih dari 2 minggu—				
	(a) bagi 2 minggu pertama	16.80	18.20	8.40	9.10
	(b) bagi setiap minggu berikutnya atau sebahagian daripadanya	17.40	18.90	8.76	9.50

BAHAGIAN 8
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO DI DALAM GUDANG TERIKAT
[subperenggan 18(1)(c)]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap tan bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya (RM)	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	Tembakau (bagi setiap 0.25 tan atau sebahagian daripadanya)	2.08	2.10
2.	Minuman keras (bagi setiap 100 liter atau sebahagian daripadanya)	3.25	3.30

BAHAGIAN 9

CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KONTENA, TIDAK TERMASUK
CAJ PEMUNGGAH KARGO YANG MENGGUNAKAN DERIK VESEL

[subperenggan 19(1)(a)]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap kontena (RM)					
		Panjang sehingga 20 kaki		Panjang lebih 20 kaki		Panjang lebih 40 kaki	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	KMP	184.80	200.00	277.20	300.00	332.40	360.00
2.	Kosong	157.20	170.00	236.40	256.00	283.20	307.00
3.	KMK	424.80	460.00	637.20	690.00	764.40	828.00
4.	Pindah kapal	104.40	113.00	157.20	170.00	188.40	204.00
5.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan I	266.40	289.00	399.60	433.00	480.00	520.00
6.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan II	246.00	267.00	369.60	400.00	444.00	481.00
7.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan III	225.60	244.00	338.40	367.00	405.60	439.00

BAHAGIAN 10

CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KONTENA, TIDAK TERMASUK

CAJ PEMUNGGAH KARGO YANG MENGGUNAKAN KREN PELABUHAN

ATAU TANJAKAN RO-RO

[subperenggan 19(1)(b)]

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Bagi setiap kontena (RM)					
		Panjang sehingga 20 kaki		Panjang lebih 20 kaki		Panjang lebih 40 kaki	
		Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2025 hingga 28 Oktober 2026	Berkuat kuasa dari 29 Oktober 2026
1.	KMP	324.00	351.00	486.00	527.00	583.20	632.00
2.	Kosong	276.00	299.00	414.00	449.00	496.80	538.00
